

**Najib Mengundi Di Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah
Bernama
5 Mei, 2013**

PEKAN, 5 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengundi di Pusat Mengundi Parlimen Pekan di Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah di sini.

Najib yang berkemeja putih diiringi isterinya Datin Seri Rosmah Mansor berbaju kurung merah jambu bersama anak lelaki mereka Norashman tiba di pusat mengundi pada pukul 9.10 pagi.

Najib menyelesaikan proses mengundi pada 9.15 pagi dan meluangkan masa beramah mesra dengan pengundi dan petugas pilihan raya sebelum meninjau pusat-pusat pengundian yang lain di kawasan Parlimen Pekan.

Perdana Menteri mempertahankan kerusi Parlimen Pekan yang disandanginya sejak 1976 menghadapi pertandingan satu lawan satu dengan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) Mohd Fariz Abdul Talib.

Pada pilihan raya umum 2008 beliau menewaskan calon PKR Khairul Anuar Ahmad Zainuddin dengan majoriti 26,464 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=947531>